

Terma Dan Syarat Yang Terpakai – Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk

Terma dan syarat berikut terpakai bagi Akaun-akaun Pelaburan yang dibuka dan disimpan dengan AmBank (M) Berhad [NO PENDAFTARAN.: 196901000166 (8515-D)] dan/atau AmBank Islamic Berhad (NO. PENDAFTARAN 199401009897 (295576-U)].

1. Tafsiran

1.1. Dalam terma dan syarat ini, kata dan ekspresi akan membawa maksud yang ditetapkan di bawah ini, melainkan konteks membawa maksud lain:

“Undang-Undang Terpakai” bererti semua kanun, undang-undang, peraturan, kawalan, arahan, notis dan pekeliling;

“Borang Membuka Akaun” bererti borang permohonan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan selaras dengan prosedur operasi amnya untuk permohonan oleh Pelanggan untuk membuka Akaun Pelaburan;

“Kumpulan AmBank” merujuk kepada semua syarikat serta syarikat bersekutu di bawah Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, yang wujud kini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam teks terma dan syarat ini akan merangkumi semua ada atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank;

“Bank” bererti AmBank (M) Berhad No. Pendaftaran 196901000166 (8515-D) dan/atau AmBank Islamic Berhad No. Pendaftaran 199401009897 (295576-U), syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia dengan alamat berdaftar di Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur;

“BNM” bererti Bank Negara Malaysia;

“Bon” bererti sekuriti hutang atau instrumen hutang, termasuk kertas Komersial; Nota jangka sederhana; Bon; Sijil deposit; dan kepentingan lain yang seiras, yang dipegang atau akan dipegang, dijual, dibeli, dipindah milik, atau dideposit oleh Bank selaku penama, Penjaga atau mana-mana penama yang dipilih oleh Bank, untuk dan bagi pihak pelanggan selaras dengan Terma dan Syarat ini.

“Hari Bekerja” bererti mana-mana hari di mana bank-bank perdagangan di Kuala Lumpur dibuka untuk perniagaan;

“Dana Tertutup” bererti mana-mana amanah saham, dana pelaburan, dana bersama atau mana-mana skim pelaburan kolektif yang diluluskan atau diiktiraf oleh SC (atau dianggap sebagai diluluskan atau diiktiraf di bawah undang-undang) dan diagihkan oleh atau dibolehkan langganannya oleh Bank dalam tempoh tawaran awam awal Dana dan tidak dibolehkan langganan selanjutnya selepas berakhir tempoh tawaran awam awal;

“Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan atau Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan-i” merujuk kepada akaun deposit tanpa faedah/tanpa keuntungan dan/atau akaun deposit dengan faedah/keuntungan, berdasarkan jenis akaun yang dipegang dengan Bank;

“CMSA” bererti Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

“Tempoh Bertenang” akan membawa erti yang diberi dalam Klausa 3.13;

*Istilah konvensional terpakai bagi produk AmBank manakala istilah Islamik terpakai bagi produk AmBank Islamic.

“**Pelanggan**” bererti mana-mana individu yang memegang dan mengendalikan sebuah Akaun Pelaburan dengan Bank;

“**Perkhidmatan Elektronik**” akan membawa erti yang diberi dalam Klausula 6.1;

“**FIMM**” bererti Federation of Investment Managers Malaysia;

“**Dana**” bererti mana-mana amanah saham, dana pelaburan, dana bersama atau mana-mana skim pelaburan kolektif yang diluluskan atau diiktiraf oleh SC (atau dianggap sebagai diluluskan atau diiktiraf di bawah undang-undang) dan diagihkan oleh atau dibolehkan langganannya oleh Bank dari masa ke masa dan akan merangkumi Dana Pasaran Kewangan;

“**Matawang Dana**” akan membawa erti yang diberi dalam Klausula 7.1;

“**Akaun Pelaburan**” bererti akaun yang dibuka dan disimpan oleh Pelanggan untuk mendapatkan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh Bank;

“**Hak Harta Intelek**” akan membawa erti yang diberi dalam Klausula 6.4;

“**Pengurus**” bererti pengurus dan/atau pengeluar bagi mana-mana Dana;

“**Dana Pasaran Kewangan**” adalah sejenis amanah saham, dana pelaburan, dana bersama atau mana-mana skim pelaburan kolektif yang diluluskan atau diiktiraf oleh SC (atau dianggap sebagai diluluskan atau diiktiraf di bawah undang-undang) yang melabur terutamanya dalam sekuriti berasaskan hutang dengan tempoh matang jangka pendek di bawah 12 bulan dan menawarkan kecairan yang tinggi dan risiko yang sangat rendah;

“**Pegawai**” bererti mana-mana pegawai atau majikan Bank;

“**Dana Terbuka**” adalah sejenis amanah saham, dana pelaburan, dana bersama atau mana-mana skim pelaburan kolektif yang diluluskan atau diiktiraf oleh SC (atau dianggap sebagai diluluskan atau diiktiraf di bawah undang-undang) dan diagihkan oleh atau dibolehkan langganannya melalui Bank tanpa tempoh tawaran terhadap melainkan dimaklumkan oleh Pengurus;

“**Pesanan**” bererti sebarang kelulusan, permohonan, arahan atau pesanan (dalam apa jua bentuk dan dihantar dalam apa jua cara) yang dihantar atau disampaikan kepada Bank oleh Pelanggan atau yang munasabah dipercayai oleh Bank atau Pegawainya sebagai kelulusan, permohonan, arahan atau pesanan dari Pelanggan, dan merangkumi sebarang kelulusan, permohonan, arahan atau pesanan untuk menarik balik, mengabaikan atau mengubah mana-mana kelulusan, permohonan, arahan atau pesanan yang lama;

“**Pihak-pihak**” bererti Bank dan Pelanggan;

“**Orang**” merangkumi mana-mana individu, kerajaan, badan berkanun, perniagaan, firma, usahasama, badan korporat atau badan tidak diperbadankan;

“**Kakitangan**” bererti pengarah, pegawai, majikan, ejen dan majikan Bank dan/atau penamanya;

“**SC**” bererti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

“**SIDREC**” bererti Securities Industry Dispute Resolution Centre;

“Pelabur Sofistikated” bererti seorang Pelanggan yang telah berjaya mengisytiharkan dirinya sebagai pelanggan sofistikated dan terkandung dalam mana-mana kategori pelabur yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 6 dan 7 dalam CMSA (termasuk pindaannya dari semasa ke semasa) dan terma yang ditakrifkan dalam Klausa 2.01 *“Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework”* yang dikeluarkan dan disemak oleh SC bertarikh 11 Oktober 2018 (termasuk pindaan, olahan atau gantiannya dari semasa ke semasa);

“Produk Berstruktur” bererti mana-mana produk pelaburan yang memperoleh nilainya dengan merujuk kepada harga atau nilai sesuatu Aset Dasar, yang mana Pelabur bersetuju untuk mengurus niaga atau melabur dengan Penerbit, dan yang mana direka bentuk oleh Penerbit untuk tertakluk oleh Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa;

“Sukuk” bererti sijil dengan nilai yang sama yang merujuk kepada saham tidak terbahagi dalam pemilikan aset nyata, kepenggunaan dan perkhidmatan atau bagi pemilikan aset dalam sesuatu projek atau aktiviti pelaburan khas, yang hanya akan muncul setelah penerimaan nilai sukuk tersebut, langganan akhir dan penggunaan dana yang diterima bagi tujuan sukuk diterbitkan, dan yang dipegang atau akan dipegang, dijual, dibeli, dipindah milik atau dideposit sama ada oleh Bank selaku penama atau, Penjaga atau mana-mana penama lain yang dipilih oleh Bank, untuk dan bagi pihak pelanggan selaras dengan Terma dan Syarat ini.

“Pengedar pihak ketiga” bererti sebuah institusi, badan korporat atau organisasi yang memasarkan dan mengedarkan unit-unit Dana yang diurus oleh sebuah entiti lain;

“Penyedia pihak ketiga” merujuk kepada Novagni Analytics and Advisory Sdn Bhd, syarikat yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan maklumat digital berkaitan dengan Dana-dana yang tersedia untuk urusniaga dalam talian melalui perkhidmatan Elektronik oleh AmBank Online Banking;

“Urus niaga” bererti mana-mana urus niaga yang dilaksanakan di bawah Akaun Pelaburan dari segi permohonan langganan, perubahan, pemindahan milik dan tebusan unit dalam mana-mana Dana;

“Unit” bererti satu saham atau unit dalam sebuah Dana; dan

“Dana Amanah Saham” bererti sejenis pelaburan kolektif yang membolehkan pelabur dengan objektif yang mirip untuk mengumpul simpanan mereka untuk dilaburkan dalam sebuah portfolio saham atau aset lain yang diurus oleh pengurus dana profesional, yang merangkumi Dana Amanah Saham Konvensional dan Dana Amanah Saham Patuh Syariah.

“Dana Borong” bererti dana amanah saham yang terbuka untuk langganan, yang ditawarkan dan dikeluarkan hanya kepada seorang Pelabur Sofistikated.

- 1.2. Mana-mana rujukan kepada peruntukan statutori akan merangkumi semua perubahan, pindaan, atau penggubalan semula, setakat mana makluman, pindaan atau penggubalan semula tersebut adalah terpakai atau boleh dipakai ke atas mana-mana Urus niaga.
- 1.3. Pelanggan telah membaca dan memahami bahawa Terma & Syarat ini harus dibaca bersama dengan:-
 - 1.3.1 Terma dan Syarat Am bagi Akaun dan Perkhidmatan yang boleh didapati di pautan <https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/simple/terms-and-conditions/TCAccountsAndServicesEng.pdf>;

- 1.3.2 Terma dan Syarat Am AmBank Group bagi AmBank Online Banking (untuk Pelanggan runcit sahaja) yang boleh didapati di pautan <https://ambank.amonline.com.my/> (sila klik pautan Terma dan Syarat di bahagian bawah kiri paparan); dan
- 1.3.3 mana-mana terma dan syarat relevan yang terpakai ke atas mana-mana produk, urusan niaga dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank.
- 1.4 Sekiranya timbul ketidaksamaan antara terma dan syarat, Terma & Syarat ini akan terpakai bagi Akaun Pelaburan.

2. Skop dan Keterpakaian (Amanah Saham)

- 2.1. Bank adalah pengedar pihak ketiga bagi Dana dan terma dan syarat yang terkandung di sini serta notis berkaitan yang mengandungi tetapi tidak terhad kepada notis-notis Bank tentang Risiko Internet, Saluran Alternatif, Maklumat Urus Niaga dan Penggantungan Urus Niaga akan terpakai ke atas peruntukan yang berkaitan dengan urusan niaga dalam talian bagi Dana-dana dalam Akaun Pelaburan melalui Perkhidmatan Elektronik oleh AmBank Online Banking.
- 2.2. The Bank berhak untuk menambah, mengubah, atau mengolah mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa dan apa-apa tambahan, olahan atau variasi akan berkuat kuasa dan mengikat setiap Pelanggan mulai dari tarikh yang ditentukan oleh Bank, dengan syarat Bank memberi maklumat kepada Pelanggan tiga (3) hari kalendar sebelumnya. Seorang Pelanggan akan dianggap telah mempersetujui sebarang tambahan, perubahan dan/atau variasi tanpa berkecuali, sama ada Pelanggan memberi Bank apa-apa Pesanan lanjutan dari perubahan terma dan syarat tersebut, atau tidak.
- 2.3. Sebarang notis oleh Bank akan dimuat naik dalam laman sesawang rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di mana-mana laman sesawang Kumpulan AmBank.
- 2.4. Sebagai tambahan, Bank berhak untuk menambah, meminda atau mengubah mana-mana prosedur operasi amnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada nota penting bagi urusan niaga dalam Dana-dana, pada bila-bila masa.
- 2.5. Pelanggan bertanggungjawab untuk sentiasa peka terhadap caj dan dasar Bank yang terpakai bagi fi dan terma dan syarat Dana-dana dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank.
- 2.6. Pelanggan akui dan bersetuju bahawa:
 - 2.6.1. Pelanggan mempunyai hak penuh serta kuasa untuk menerima dan bersetuju ke atas terma dan syarat ini, untuk membuka, menyimpan dan/atau terus menyimpan Akaun-akaun Pelaburan dari semasa ke semasa yang dibuka dan/atau disimpan dan /atau terus disimpan dengan Bank; untuk memberi Pesanan kepada Bank dan untuk memeterai sebarang Urus Niaga yang dipertimbangkan seterusnya;
 - 2.6.2. Pelanggan bersetuju untuk membuka, menyimpan dan/atau terus menyimpan suatu Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan-i bagi dengan Bank bagi tujuan urusan niaga, selagi Akaun-akaun Pelaburan kekal aktif;
 - 2.6.3. Tiada prosiding litigasi, timbang tara atau pentadbiran yang sedia ada, yang belum selesai atau yang bakal dikenakan ke atas Pelanggan yang boleh mengekang Pelanggan daripada memeterai atau melaksanakan obligasi Pelanggan di sini;
 - 2.6.4. Melainkan dipersetujui oleh Bank, tiada sesiapa selain Pelanggan mempunyai kepentingan dalam mana-mana akaun-akaun pelaburan;
 - 2.6.5. Sebarang Pesanan atau urusan dalam Akaun-akaun Pelaburan adalah berdasarkan penilaian sendiri Pelanggan secara tunggal dan eksklusif, dan setelah Pelanggan melaksanakan penilaian dan usaha wajar bebas ke atas risiko-risiko yang terkait dengan Pesanan atau urusan tersebut; dan
 - 2.6.6. Pelanggan bersetuju untuk menyediakan maklumat dan/atau penyata kewangan yang berkaitan kepada Bank, menzahirkan sebarang perubahan material ke atas kedudukan

keuangannya kepada Bank dan dengan segeranya menyediakan maklumat lain membabitkan Pelanggan yang dipohon oleh Bank.

Perakuan dan persetujuan di atas akan dianggap telah diulang setiap kali Pelanggan memberi Pesanan kepada Bank, memeterai sebarang urus niaga yang dimuktamadkan di sini atau sekiranya Pelanggan membuka Akaun Pelaburan baharu dengan Bank.

3. Penyediaan Dana (Amanah Saham)

- 3.1. Pelanggan mengesahkan dirinya adalah seorang individu berumur lapan belas (18) tahun ke atas.
- 3.2. Pelanggan boleh mengarahkan Bank melaksanakan sebarang Urus Niaga dengan menghantar Pesanan dengan Bank. Tatkala menerima Pesanan tersebut, Bank akan melaksanakan Urus Niaga dengan memberi pesanan kepada Pengurus yang sewajarnya. Pesanan tidak boleh ditarik balik sejenak selepas Bank telah melaksanakan Urus Niaga dengan memberi pesanan kepada Pengurus yang sewajarnya.
- 3.3. Tanpa menjejaskan klausa 3.2 di atas, sekiranya sebuah prospektus tambahan atau prospektus gantian telah dihantar atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti sebelum pengeluaran atau penghantaran unit kepada Pelanggan, Pelanggan akan diberi peluang untuk menarik balik permohonannya dalam tempoh 14 hari kalendar dari tarikh Pelanggan menerima notis pendaftaran bagi prospektus tambahan atau prospektus gantian.
- 3.4. Semua Urus Niaga adalah tertakluk kepada peruntukan surat ikatan tabung, dokumen perlembagaan, maklumat memorandum dan prospektus Dana masing-masing, yang boleh dipinda atau ditambah dari semasa ke semasa, dan kepada semua undang-undang, garis panduan, kawalan dan amalan yang terpakai.
- 3.5. Bank boleh menyediakan perkhidmatan bagi melanggan, menukar, memindah atau menebus unit dalam mana-mana Dana. Bank boleh dari semasa ke semasa bersetuju untuk bertindak berdasarkan arahan Pelanggan bagi pemegangan, langganan, penukaran pemindahan atau penebusan unit dalam sesuatu Dana, pemprosesan urus niaga-urus niaga tersebut serta penyediaan perkhidmatan tersebut.
- 3.6. Bagi sebarang Urus Niaga oleh Pelanggan, harga bagi mana-mana unit, sekiranya diberi ketika atau sebelum Pelanggan memberi Pesanan, adalah untuk rujukan sahaja dan tidak akan mengikat Bank; harga sebenar akan ditentukan selaras dengan surat ikatan tabung, dokumen perlembagaan, memorandum maklumat atau prospektus Dana yang mengawal Dana tersebut. Sebarang Pesanan yang diberi bagi pelaksanaan suatu Urus Niaga tertakluk kepada CMSA 2007, *Guidelines on Unit Trust Funds* dan *Guidelines on Wholesale Funds* yang dikeluarkan oleh SC, serta garis panduan, piawaian pelaburan, atau perintah yang dikeluarkan oleh FIMM dan perundangan dan kawalan relevan yang lain yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
- 3.7. Pesanan yang dikirim oleh Pelanggan dengan Bank boleh diagregatkan dan disepadukan sama ada secara harian atau dari semasa ke semasa oleh Bank bersama dengan pesanan yang dikirim oleh Pelanggan lain Bank, bagi tujuan kiriman pesanan oleh Bank dengan Pengurus yang berkaitan.
- 3.8. Apabila Bank mengirim suatu Pesanan bagi langganan unit dengan Pengurus yang berkaitan, Pengurus tersebut akan mengeluarkan unit yang relevan untuk didaftarkan atas nama penama atau penjaga. Unit yang dikeluarkan akan diagihkan atau diperuntukkan kepada Pelanggan yang berkaitan dalam apa jua susunan atau kaedah yang ditetapkan oleh Bank.
- 3.9. Dokumen, notis, dan/atau borang proksi yang berkaitan dengan mesyuarat seorang pemegang unit akan dihantar oleh Bank kepada Pelanggan dalam masa lima (5) Hari Bekerja dari penerimaan makluman Pengurus, dan Pelanggan perlu membalas dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank. Tatkala menerima semua borang proksi yang berkenaan, Bank akan menyusun dan mengajukan dokumen tersebut kepada Pengurus berkenaan. Bagi mesyuarat

- seorang pemegang unit, Bank berhak untuk mengundi, memberi arahan atau memberi persetujuan (atau sebaliknya) bagi pihak Pelanggan.
- 3.10. Bagi langganan Dana Terbuka menggunakan wang tunai, dividen (sekiranya ada) yang diisytiharkan oleh Dana akan dilaburkan semula secara automatik melalui pembelian atau langganan unit tambahan dalam Dana yang sama oleh Bank bagi pihak Pelanggan.
- 3.10.1 Sekiranya Dana telah habis dijual atau ditebus dan terdapat dividen yang diisytiharkan selanjutnya yang telah dilabur semula dalam Dana, Bank akan selanjutnya berhak untuk menjual atau menebus Dana tersebut dan mengkreditkan hasil jualan atau tebusan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i yang dinamakan oleh Pelanggan.
- 3.11. Bagi langganan Dana Tertutup menggunakan wang tunai, dividen (sekiranya ada) yang diisytiharkan oleh Dana akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i yang dinamakan oleh Pelanggan.
- 3.12. Setakat yang dibenarkan undang-undang, Pelanggan akan melindungi sepenuhnya Bank dari dan oleh sebarang dan semua tindakan, pengecualian, tuntutan, prosiding, permintaan, kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk cukai atau lain-lain levi, caj faedah/untung, fi perundangan dan lain-lain perbelanjaan) berkaitan dengan perkara-perkara berbangkit dari dan berkaitan dengan Urus Niaga atau Dana, dari segi Akaun Pelaburan, selain dari perkara-perkara yang berbangkit dari keingkaran sengaja oleh Bank.
- 3.13. Pelanggan berkelayakan yang ingin melabur dalam suatu Dana buat julung kali, mempunyai hak untuk memohon pemulangan wang bagi pelaburannya dalam Dana tersebut dalam tempoh bertenang yang dinyatakan dalam setiap surat ikatan tabung atau prospektus bagi Dana berkenaan, yang tidak akan kurang dari enam (6) hari bekerja (di mana "hari bekerja" ditafsirkan sama seperti dalam surat ikatan tabung atau prospektus) dari tarikh penerimaan permohonan dan jumlah pelaburan oleh Pengurus ("Tempoh Bertenang") asalkan maklumat penarikan balik pelaburan tersebut diterima oleh Bank sebelum tamat tempoh akhir (yang ditetapkan oleh Bank bagi Hari Urusan dalam Tempoh Bertenang yang dinyatakan dalam surat ikatan tabung atau prospektus yang berkenaan. Semua permohonan pemulangan wang adalah tertakluk kepada Undang-undang Terpakai dan terma dan syarat bagi Pengurus atau Dana yang berkenaan. Pelanggan bertanggung jawab bagi semua kos dan perbelanjaan oleh Bank, yang boleh dikenakan oleh Pengurus atau Dana berkenaan (yang mana terpakai) bagi tujuan pemulangan wang pelaburan, dan bahawasanya meluluskan Bank untuk menolak kesemua kos dan perbelanjaan tersebut dari hasil pulangan wang ke Pelanggan, setakat yang dibenarkan di bawah Undang-undang Terpakai.
- 3.14. Kesemua urus niaga adalah tertakluk kepada peruntukan surat ikatan tabung, dokumen perlembagaan, memorandum maklumat dan prospektus Dana masing-masing, yang boleh dipinda atau ditambah dari semasa ke semasa, serta semua undang-undang, garis panduan, kawalan dan amalan yang terpakai.
- 3.15. Bank boleh menyediakan Perkhidmatan kepada Pelanggan yang ingin memegang, melanggan, mengubah, memindah atau menebus unit dalam mana-mana Dana. Bank boleh dari semasa ke semasa bersetuju dengan Pelanggan untuk bertindak atas arahan Pelanggan bagi pemegang, langganan, perubahan, pemindahan atau penebusan unit Dana, pemprosesan urus niaga tersebut, dan penyediaan Perkhidmatan.
- 3.16. Bagi unit yang dilanggan, ditebus, dipindah atau diubah bagi Pelanggan di bawah Perkhidmatan:
- 3.16.1. harga sebarang Unit, sekiranya dinyatakan ketika atau sebelum Pelanggan memberi pesanan, adalah sekadar rujukan sahaja dan tidak akan mengikat Bank dan Kumpulan AmBank; harga sebenar adalah harga yang ditentukan selaras dengan surat ikatan tabung, dokumen perlembagaan, memorandum maklumat or atau prospektus yang mengawal unit tersebut;
- 3.16.2. sebarang pesanan atau arahan yang diberi untuk pelaksanaan urus niaga:

- 3.16.3. tertakluk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Guidelines on Unit Trust Funds dan Guidelines on Wholesale Funds yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, serta garis panduan, piawai pelaburan atau perintah yang dikeluarkan oleh Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM) dan lain-lain perundangan dan kawalan berkenaan yang boleh dipinda dari semasa ke semasa;
 - 3.16.4. Bank akan mempertimbangkan untuk melaksanakan arahan oleh Pelanggan untuk menarik balik suatu arahan sebelumnya dengan syarat arahan sebelumnya tidak menyebabkan Bank mengingkari sebarang undang-undang atau kawalan;
 - 3.16.5. Bank boleh menolak untuk melaksanakan arahan sekiranya pada pendapat Bank adalah tidak jelas atau berambiguiti jika pelaksanaannya akan menyebabkan Bank mengingkari sebarang undang-undang atau kawalan;
 - 3.16.6. hanya akan dipertimbangkan oleh Bank sekiranya dihantar selaras dengan kesemua keperluan dalam permohonan ini dan prosedur terpakai yang ditentukan oleh Bank di bawah Perkhidmatan dan/atau bagi sesuatu Dana tertentu.
- 3.17. Urus Niaga bagi unit boleh diagregatkan dan disepadukan sama ada secara harian atau dari semasa ke semasa oleh Bank dengan urus niaga tersebut dihantar oleh Bank ke pengurus Dana yang berkenaan.
 - 3.18. Setelah Bank menghantar pesanan (bersepadu atau sebaliknya) bagi langganan unit dengan pengurus Dana yang sewajarnya, pengurus Dana tersebut akan menerbit unit yang relevan kepada, dan juga mendaftar unit bawah nama penama atau penjaga. Unit yang diterbit akan diagihkan atau diperuntukkan kepada pemohon yang berkenaan dalam apa jua susunan atau kaedah yang ditetapkan oleh Bank.
 - 3.19. Pelanggan akan memulangkan kepada Bank semua kos dan perbelanjaan termasuk, tanpa had), semua fi yang dikenakan oleh mana-mana pengurus Dana yang berkenaan dan semua cukai, duti dan levi yang dikenakan sepanjang pegangan atau pelaksanaan urus niaga mana-mana unit.
 - 3.20. Setakat yang dibenarkan undang-undang, Pelanggan akan melindungi Bank dari dan oleh semua tindakan, pengecualian, tuntutan, prosiding, permintaan, kerugian, kos dan perbelanjaan (termasuk cukai atau lain-lain levi, caj faedah/untung, fi perundangan dan lain-lain perbelanjaan) yang berkaitan dengan perkara berbangkit dari dan berkaitan dengan urus niaga atau Dana yang berkenaan dengan Akaun, selain dari perkara yang berbangkit dari kecuaiian melampau dan keingkar sengaja oleh Bank.

4. Risiko (Amanah Saham)

- 4.1. Pelanggan memperakui bahawa pelaburan dalam Dana adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan risiko pasaran, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah pokok yang dilabur. Pelanggan bersetuju dan mengesahkan bahawa Pelanggan memahami dan sedar akan risiko-risiko yang terbabit dalam pelaburan dalam Dana.
- 4.2. Bagi pelaburan dalam Dana, Pelanggan memperakui telah membaca atau akan memperoleh dari Bank atau Pengurus yang berkenaan prospektus dan lembaran ringkasan produk yang terkini bagi produk pelaburan atau apa-apa bahan bacaan yang disediakan oleh Pengurus berkenaan yang wujud pada tarikh Urus Niaga dan tarikh Pesanan diberi oleh Pelanggan kepada Bank, sebelum memberi sebarang Pesanan kepada Bank untuk melanggan unit dalam Dana tersebut. Pelanggan memperakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggung jawab atau menanggung liabiliti kepada Pelanggan bagi mana-mana kesilapan, kekhilafan atau pengecualian dalam mana-mana Prospektus atau Lembaran Ringkasan Produk atau laporan atau apa-apa bahan lain yang disediakan oleh atau dikeluarkan oleh Pengurus atau perbuatan atau pengecualian yang disengajakan, keingkar, fraud atau kecuaiian oleh Pengurus atau Dana.

- 4.3. Bank tidak akan bertanggung jawab dan tidak akan menanggung liabiliti kepada Pelanggan atas sebarang syor atau nasihat kepada Pelanggan untuk melabur atau tidak melabur dalam mana-mana Dana, atau bagi prestasi mana-mana Dana. Pelanggan memperakui tarikan dan kepentingan bagi memperolehi nasihat kewangan atau profesional bebas bagi sebarang urus niaga atau pelaburan dalam Dana atau peluang pelaburan. Pelanggan memperakui bahawa sebarang urusan atau pelaburan di bawah Akaun Pelaburan dalam mana-mana Dana dibuat secara eksklusif dan secara tunggal oleh Pelanggan berdasarkan penilaian Pelanggan sendiri dan setelah Pelanggan melaksanakan penilaian dan siasatan sendiri secara bebas ke atas risiko yang berkaitan dengan urusan atau pelaburan yang dilaksanakan.
- 4.4. Pelanggan harus sedar bahawa sekiranya Pelanggan menebus Dana Tertutup sebelum tarikh matangnya (jika berkenaan), Pelanggan mungkin tidak akan menerima manfaat perlindungan modal, jaminan modal atau pulangan minimum tambahan (jika berkenaan).
- 4.5. Pelanggan yang memohon atau sebaliknya berminat dengan unit dalam mana-mana Dana Borong harus bertanggung jawab untuk memastikan bahawa:
 - 4.5.1. Pelanggan memenuhi takrif “pelabur sofistikated” seperti dalam Klausa 2.01 “*Guidelines on Unlisted Capital Market Products under the Lodge and Launch Framework*” yang dikeluarkan oleh SC bertarikh 11 Oktober 2018 (termasuk pindaan, variasi atau gantiannya dari semasa ke semasa) dan Bahagian 1 Jadual 6 dan 7 CMSA (termasuk pindaannya dari semasa ke semasa);
 - 4.5.2. Pelanggan sedar akan atau telah mendapatkan khidmat nasihat oleh penasihat profesional bebas bagi terma dan risiko yang terpakai bagi Dana Borong.

5. Had dan Larangan Urus Niaga (Amanah Saham)

- 5.1. Bank boleh, dari semasa ke semasa, mengenakan pada Pelanggan sebarang had urus niaga atau kedudukan, atau larangan urus niaga. Had tersebut boleh merangkumi saiz bagi Urus Niaga, waktu atau prosedur khusus bagi menyampaikan Pesanan kepada Bank atau sebaliknya. Had tersebut juga boleh ditetapkan oleh sebuah badan kawalan, statutori atau badan lain yang mengawal Urus Niaga. Dalam memberi Pesanan kepada Bank, Pelanggan tidak akan menjangkau sebarang had atau mengingkari mana-mana larangan, sama ada yang ditetapkan oleh Bank atau oleh badan lain.
- 5.2. Bank akan mempunyai budi bicara sepenuhnya sama ada untuk menerima dan melaksanakan sebahagian dari mana-mana Pesanan untuk memastikan had atau larangan berkaitan yang ditetapkan tidak dilanggar atau diingkari atau untuk menolak sepenuhnya Pesanan tersebut.

6. Perkhidmatan Elektronik (Amanah Saham)

- 6.1. Bank boleh, dari semasa ke semasa, menyediakan Pelanggan dengan perkhidmatan Dana Dalam Talian (“Perkhidmatan Elektronik”) bagi tujuan:
 - 6.1.1. Melihat butiran atau maklumat mengenai Akaun Pelaburan;
 - 6.1.2. Mengirim Pesanan ke Bank untuk pelaksanaan;
 - 6.1.3. Melaksanakan aktiviti lain dan/atau perkhidmatan yang disediakan Bank sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Elektronik di bawah AmBank Online Banking dari semasa ke semasa;
 - 6.1.4. Akses kepada tetapi tidak terhad kepada maklumat dan prestasi Dana, dan Alat Analisis Dana oleh penyedia pihak ketiga yang dilantik oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.2. Pelanggan mempunyai tanggung jawab tunggal dan bertanggung jawab ke atas keselamatan dan penjagaan kata laluan, pengenalan dan lain-lain kod Pelanggan yang dikeluarkan oleh Bank bagi tujuan membolehkan Pelanggan mendapat akses kepada Perkhidmatan Elektronik dan Akaun Pelaburan.
- 6.3. Pelanggan bersetuju bahawa Pesanan yang dihantar melalui Perkhidmatan Elektronik adalah di bawah risiko Pelanggan secara tunggal. Pelanggan akan bertanggung jawab sepenuhnya dan bagi sebarang Pesanan yang dihantar kepada Bank melalui Perkhidmatan Elektronik,

meskipun Pesanan tersebut boleh dihantar oleh pihak ketiga dengan atau tanpa kelulusan untuk menghantar Pesanan tersebut bagi pihak Pelanggan, dan Pelanggan tidak boleh meminda atau membatalkan Pesanan tersebut.

- 6.4. Dalam menggunakan Perkhidmatan Elektronik, Pelanggan bersetuju untuk tidak melakukan apa-apa yang akan mencabuli, melanggar, memberi prejudis atau dalam apa jua bentuk memberi kesan kepada hak harta intelek (“Hak IP”) Bank atau penyedia pihak ketiga dan akan mengambil semua langkah yang perlu untuk memelihara dan melindungi Hak IP ini. Semua Hak IP (sama ada dalam bentuk hak cipta atau sebaliknya) dalam maklumat atau laporan yang didapati dari atau disediakan oleh Perkhidmatan Elektronik adalah milik tunggal dan akan kekal sebagai hak eksklusif bagi Bank dan/atau penyedia pihak ketiga yang dilantik oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.5. Pelanggan bersetuju bahawa risiko bagi arahan elektronik yang dihantar oleh Pelanggan lanjutan dari Terma dan Syarat ini yang tidak ikhlas atau telah diciplak, mengandungi fraud, berambiguiti atau salah, harus ditanggung pada Pelanggan secara tunggal, dan Pelanggan memperakui untuk melindungi Bank dan kakitangannya dari semua kerugian yang ditanggung oleh Bank atau Kakitangannya yang berbangkit dari sebarang tindakan atau pengecualian selaras dengan arahan elektronik yang diberi tersebut atau yang dianggap diberi oleh Pelanggan atau orang yang diberi kuasa olehnya. Pelanggan bertanggung jawab untuk mendapatkan nasihat profesional bebas bagi sebarang maklumat dan/atau laporan yang diperolehi dari Perkhidmatan Elektronik, dan untuk menentusahkan maklumat dan/atau laporan tersebut. Bank dan Kakitangannya tidak akan bertanggung jawab ke atas Pelanggan mengalami sebarang kerugian, kerosakan, kos, belanja atau tuntutan tanpa mengambil kira bagaimana ia berlaku atau berbangkit, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - 6.5.1. Kebergantungan Pelanggan kepada mana-mana maklumat dan/atau laporan yang tidak lengkap, tidak tepat, rosak, tidak jujuk, palsu atau luput, meskipun maklumat dan/atau laporan tersebut telah tersuai atau tidak untuk kegunaan Pelanggan;
 - 6.5.2. Kehilangan atau penggunaan atau akses tanpa kelulusan ke atas Perkhidmatan Elektronik;
 - 6.5.3. Sebarang kelewatan, kesilapan, kegagalan atau kehilangan akses kepada, atau ketidaksediaan Perkhidmatan Elektronik bagi apa-apa sebab (termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan penyedia pihak ketiga);
 - 6.5.4. Sebarang kegagalan, keceleaan atau kelewatan fungsi Perkhidmatan Elektronik atas apa jua sebab, termasuk kesilapan yang secara tunggalnya disebabkan oleh kerosakan Perkhidmatan Elektronik atau peralatan, prasarana atau program;
 - 6.5.5. Sebarang kerosakan, kesilapan atau masalah, nahas sistem, kesilapan atau kerosakan perisian, sabotaj atau akses haram telekomunikasi atau kesalingsambungan; atau
 - 6.5.6. Sebarang kegagalan, masa rosak, nahas, kerosakan atau salah fungsi atau kecacatan atau glic dalam Perkhidmatan Elektronik.
- 6.6. Dalam menyediakan Perkhidmatan Elektronik kepada Pelanggan, Bank boleh memberi makluman kepada Pelanggan untuk;
 - 6.6.1. Meminda, mengubah, menggantung atau menghentikan pengendalian Perkhidmatan Elektronik;
 - 6.6.2. Menggantung atau menghentikan akses Pelanggan atau kepenggunaan Pelanggan kepada Perkhidmatan Elektronik, atau menyahaktifkan Akaun Pelaburan.

dan tidak akan bertanggung jawab kepada Pelanggan bagi sebarang Kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan akibat dari mana-mana tindakan di atas.

7. Fi dan Bayaran (Amanah Saham)

- 7.1. Semua bayaran dari Pelanggan ke Bank atau dari Bank ke Pelanggan akan diselesaikan dalam Matawang berkenaan bagi Dana (“Matawang Dana”) yang mana Unit dilanggan atau ditebus.

- 7.2. Bagi urus niaga langganan, Pelanggan akan mendebitkan dari Akan Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i bagi tujuan urus niaga, sama seperti Matawang Dana yang mana Unit dilanggan.
- 7.3. Hasil tebusan yang diterima oleh Bank akan dikreditkan selaras dengan Akan Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i bagi tujuan urus niaga yang dinamakan oleh Pelanggan, sama dengan Matawang Dana yang mana Unit ditebus.
- 7.4. Pelanggan bersetuju bahawa semua fi, caj dan perbelanjaan yang dizahirkan dalam Memorandum Maklumat atau Prospektus atau Prospektus Gantian dan Memorandum Maklumat Tambahan atau Prospektus Tambahan (jika ada) dinyatakan tanpa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barang dan perkhidmatan, cukai nilai tambahan, cukai penggunaan, cukai tak langsung, cukai perkhidmatan, levi, duti atau apa-apa cukai lain yang boleh dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa (keseluruhannya) dikenali sebagai "Cukai". Selaras dengan ini, setakat mana perkhidmatan yang disediakan tertakluk kepada apa-apa Cukai, jumlah Cukai yang perlu dibayar bagi fi, caj dan/atau perbelanjaan yang berkaitan akan dibayar oleh Pelanggan dan/atau Dana (mengikut keadaan) di samping fi, caj dan perbelanjaan yang dizahirkan dalam Memorandum Maklumat atau Prospektus atau Prospektus Gantian dan Memorandum Maklumat Tambahan atau Prospektus Tambahan (jika ada).

8. Notis dan Komunikasi (Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk)

- 8.1. Bagi setiap Urus Niaga, Pelanggan boleh mengakses, mencetak dan memuat turun pengesahan urus niaga, Prospektus atau Memorandum Maklumat atau Prospektus Tambahan- atau Memorandum Maklumat Tambahan, Lembaran Ringkasan Produk dan/atau lain-lain laporan mengenai Dana dari Perkhidmatan Elektronik yang disediakan oleh AmBank Online Banking.
- 8.2. Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak menggunakan apa-apa kaedah komunikasi berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiriman notis, dokumen atau notis mengenai mesyuarat pemegang unit, laporan tahunan, separa tahun, interim atau suku tahun, penyata, atau pengesahan urus niaga) kepada Pelanggan dari Bank
 - 8.2.1 dengan mengedpos notis kepada premis Pelanggan; dan/atau
 - 8.2.2 melalui penerbitan dalam satu atau pelbagai surat khabar harian yang dipilih Bank; dan/atau
 - 8.2.3 dengan mengedpos sehelai halaman tambahan dalam penyata akaun Pelanggan; dan/atau
 - 8.2.4 dengan menghantar notis melalui pos biasa atau berdaftar kepada alamat Pelanggan berdasarkan rekod Bank; dan/atau
 - 8.2.5 dengan mengirim notis melalui pesanan mesej ringkas ('SMS') atau mel elektronik ('e-mel') kepada Pelanggan atau dengan menerbit notis tersebut pada laman sesawang AmBank atau pada skrin paparan di terminal-terminal elektronik milik Bank.
- 8.3. Pelanggan bersetuju bahawa sebarang penyata, notis, komunikasi atau permintaan akan diberi kepada Pelanggan selaras dengan Terma dan Syarat Am Bagi Akaun & Perkhidmatan Bank yang disediakan di laman sesawang Kumpulan AmBank di www.ambankgroup.com. Bagi mana-mana penyata, notis, komunikasi atau permintaan yang dibuat atau dikirim oleh Bank kepada Pelanggan di bawah atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, dokumen perdagangan dan Perkhidmatan akan dianggap berkuat kuasa apabila diterbit atau dikirim kepada alamat, e-mel atau nombor telefon terakhir Pelanggan berdasarkan rekod sedia ada Bank. Bank berhak untuk menggunakan rekod Bank yang sedia ada sehingga notis bertulis mengenai apa-apa perubahan diterima oleh Bank. Sekiranya berlaku sebarang konflik atau ketidaktekalan antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Bagi Akaun & Perkhidmatan Bank, Terma dan Syarat ini akan terpakai.

- 8.4. Tanpa prejudis terhadap mana-mana mod penghantaran, laporan, penyata, pengesahan bertulis, notis, tuntutan atau lain-lain komunikasi oleh Bank ke Pelanggan akan dianggap telah dihantar, dikirim atau dibuat, sekiranya:
- 8.4.1 dikirim melalui pos kepada Pelanggan ke alamat terakhir yang didaftarkan kepada Bank, pada masa pengiriman pada hari ketujuh (ke-7) selepas mengespos; atau
 - 8.4.2 dikirim dengan tangan, pada waktu penghantaran atau pengiriman; atau
 - 8.4.3 melalui kurier, serta merta setelah menerima pengesahan nota konsainan oleh kurier; atau
 - 8.4.4 melalui penerbitan pada laman sesawang Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan;
 - 8.4.5 komunikasi atau kiriman kepada Pelanggan melalui telefon, SMS, kabel, telegraf atau faksimile kepada nombor telefon terakhir berdaftar dengan Bank, pada waktu komunikasi/pengiriman; atau
 - 8.4.6 komunikasi melalui e-mel, pada tarikh dan masa kiriman oleh pelayan e-mel yang dikendalikan oleh Bank dan/atau penyedia perkhidmatannya, dengan pengecualian bagi e-mel yang tidak dapat dihantar atau yang menerima mesej balasan "e-mel dipulangkan" atau sebarang mesej ralat bahawa e-mel tersebut tidak dapat dikirim kepada peti e-mel Pelanggan. Pelanggan akan menanggung risiko bagi kegagalan pengiriman mana-mana e-mel dari Bank.
- 8.5. Pelanggan yang telah membuka dan menyimpan Akaun Pelaburan, mengaktifkan dan log masuk ke dalam Perkhidmatan Elektronik oleh Bank dan/atau telah mendaftar alamat e-melnya dengan Bank, memberi kelulusan dan arahan yang tidak boleh ditarik balik, bagi Bank mengirim sebarang makluman, pengesahan, nasihat, penyata, dan notis (mana yang berkenaan) kepada Pelanggan dengan menyediakan makluman, pengesahan, nasihat, penyata, dan notis (mana yang berkenaan) tersebut kepada Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Bank dan/atau alamat e-mel yang didaftarkan dengan Bank. Pelanggan bersetuju bahawa mod perkhidmatan bagi makluman, pengesahan, nasihat, penyata, dan notis (mana yang berkenaan) adalah perkhidmatan yang elok dan sah ke atas Pelanggan dan akan terpakai kepada Produk Pelaburan seperti Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur dan Bon/Sukuk. Perkara sama juga akan terpakai ke atas pemegang akaun individu yang juga merupakan pemegang akaun utama dalam akaun bersama.
- 8.6. Sebarang komunikasi dari pelanggan ke Bank hanya akan berkuat kuasa tatkala Bank menerima pengesahan penerimaannya.
- 8.7. Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan kadar segera terhadap sebarang perubahan kepada alamat surat-menyurat / tempat tinggal, e-mel dan maklumat hubungan Pelanggan. Pelanggan bertanggung jawab untuk memastikan bahawa Bank sentiasa termaklum akan alamat, e-mel dan lain-lain maklumat hubungan Pelanggan.
- 8.8. Semua notis dan komunikasi yang dikirim oleh Bank kepada Pelanggan atau sebaliknya adalah dikirim pada risiko Pelanggan, dan Bank tidak akan bertanggung jawab atas sebarang kekhilafan, gangguan, ralat atau kelewatan atau kegagalan penuh dalam pengiriman atau penghantaran komunikasi dalam apa jua bentuk atau sebab-sebab lain di luar kawalan atau jangkaan Bank. Bank tidak mempunyai obligasi untuk memelihara mana-mana dokumen yang dipulangkan kerana tidak dapat dikirim.

9. Dasar Keperibadian (Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk)

- 9.1. Pelanggan memperakui telah mengakses, membaca dan memahami Notis Keperibadian Kumpulan AmBank yang telah disediakan di <https://www.ambankgroup.com/eng/Pages/PrivacyNotice.aspx> dan mengesahkan persetujuan ke atas Notis Keperibadian tersebut.

- 9.2. Pelanggan memperakui dan bersetuju bahawa Bank, dalam usaha menyediakan Perkhidmatan Elektronik, boleh menzahirkan maklumat peribadi Pelanggan kepada syarikat lain dalam Kumpulan AmBank bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan, dan juga kepada SC.

10. Penyelesaian Pertikaian (Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk)

- 10.1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, Pelanggan boleh menghubungi Bank melalui telefon di 03-21736666 (Pusat Hubungan). Aduan harus mengandungi maklumat berikut:

- 10.1.1. Butiran Pelanggan, nombor Akaun Pelaburan, alamat, nombor telefon dan maklumat lain yang relevan;
- 10.1.2. Keadaan atau situasi bagi ketidakpatuhan atau salah laku;
- 10.1.3. Pihak-pihak yang disyaki terlibat dengan salah laku;
- 10.1.4. Bukti dokumen sokongan lain (jika ada)

- 10.2. Sekiranya Pelanggan tidak berpuas hati dengan hasil proses penyelesaian pertikaian dalaman, Pelanggan boleh merujuk pertikaiannya kepada SIDREC di:

- 10.2.1. Nombor telefon: 03-22822280
- Nombor faks: 03-22823855
- E-mel: info@sidrec.com.my
- Secara bertulis: Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)
Unit A-9-1, level 9, Tower A, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

- 10.3. Pelanggan boleh juga mengajukan aduannya kepada SC meskipun telah memulakan penyelesaian pertikaian di bawah SIDREC. Pelanggan boleh menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan SC:

- 10.3.1. Nombor telefon: 03-62048999
- Nombor faks: 03-62048991
- E-mel: aduan@seccom.com.my
- Dalam talian: www.sc.com.my
- Secara bertulis: Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No 3, Persiaran Bukit Kiara, Bukit Kiara
50900 Kuala Lumpur

- 10.4. Pelanggan boleh juga mengajukan aduannya kepada Biro Aduan FIMM di:

- 10.4.1. Nombor telefon: 03-20923800
- E-mel: complaints@fimm.com.my
- Dalam talian: www.fimm.com.my
- Secara bertulis: Legal, Secretariat & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-1, 6th Floor, Wisma Tune
No 19, Lorong Dungun, Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

11. Undang-undang Terpakai dan Bidang Kuasa (Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk)

- 11.1. Terma dan syarat ini, Akaun Pelaburan, hubungan antara Pelanggan dan Bank, dan hak dan obligasi yang dipertimbangkan di bawahnya, akan dikawal dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju bahawa sebarang pertikaian perundangan akan dilaksanakan dan dibicarakan dalam mahkamah di Kuala Lumpur.